

## **PARTISIPASI ULAMA DI SULAWESI SELATAN DI DALAM AKTIVITAS POLITIK DAN KEMASYARAKATAN**

### **Haidir Fitra Siagian**

Pelajar Ph.D. Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, dan pensyarah di Fakulti Dakwah dan Komunikasi Universiti Islam Negeri Alauddin, Makassar, Indonesia, telefon: +601126246816/+62085242359271 emel: hfitrasiagian@gmail.com.

### **Mohd. Yusof Haji Abdullah**

Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E., telefon +60193801533 emel: myusof@ukm.my.

### **Normah Mustaffa**

Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor D.E., telefon: +60193699925 emel: normahm@ukm.my.

### **Fauziah Ahmad**

Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, D.E., telefon: +60192177979 emel: zuhair@ukm.my.

### **Abstrak**

This paper discusses the participation of the clergy in political and social activities in South Sulawesi, Indonesia. Ulama is an Islamic leader who has extensive knowledge of religious affiliation. Scholars can affect the community, as it is believed by the people, he has charisma, and he respected her advice is also an example to the community. As the unofficial leader, cleric is to be responsible for all aspects of development, including in the political and social activity. Participation of scholars in the development is very important, as direct beneficiaries of development and an active contributor to the development process. The results of this study indicate that there are scholars in the South who are actively involved in political and social activities. In political activity, there are scholars who are members of political parties and there are scholars who participated in the campaign for a candidate running in the election. Similarly in social activities, there are scholars involved in volunteer work such as building mosques, protecting their lives, attend community meetings, participate in community sports activities, attend celebrations taking place in society, as well as providing assistance to disaster.

**Keywords:**  
**Scholars, Leaders of informal participation, Political activity, Social**

## **PENDAHULUAN**

Peranan ulama sebenar dalam pembangunan negara amatlah penting, bukan hanya terhad dalam bidang agama tetapi juga aspek lainnya termasuk ekonomi, pendidikan, politik dan pentadbiran negara sahaja (Nor Azlina Abd. Wahab dan rakan-rakan 2013). Selain itu, ulama masa kini perlu melibatkan diri dalam pembangunan masyarakat dan negara. Ianya pula seharusnya lebih hebat daripada generasi ulama terdahulu kerana keadaan sekarang lebih mencabar dan keperluan ummah terhadap penyelesaian secara Islam adalah amat mendesak. Oleh itu, para ulama dalam kedudukannya selaku pemimpin pendapat perlu melibatkan diri secara proaktif, langsung dan berketerusan bersama dengan masyarakat untuk membangun pemikiran, kerohanian dan pembangunan fizikal.

Mengikut pemikiran Makmur (2012) peranan ulama bukan sahaja pewaris nabi dalam bidang dakwah Islam dan pendidikan, malahan mereka boleh pun terlibat secara langsung dalam merancang pembangunan dan pelaksanaan serta penilaian kepada pentadbiran negara dan juga rakyat, antaranya dengan memasuki parti politik dan menjadi pengerusi pertubuhan sosial-keagamaan Islam. Seorang ulama menduduki kedudukan yang amat penting dalam masyarakat Islam di Indonesia (Pelras 2006). Ulama tidak hanya sebagai ilmuwan yang menguasai dan memahami ajaran Islam sahaja, tetapi berfungsi juga sebagai penggerak masyarakat ke hala tuju pengembangan ummah.

Dengan demikian, pengkaji boleh mengisytiharkan bahawa peranan ulama sesungguhnya adalah amat luas. Peranan ulama tidak terhad kepada aspek ibadah, memberi fatwa atau berdoa sahaja. Termasuk juga peranan agama dalam bidang lainnya politik kenegaraan, ekonomi, sosial, budaya, pendidikan, dan sebagainya, sesuai dengan luasnya cakupan ajaran Islam itu sendiri. Oleh yang demikian itu, kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana partisipasi ulama di Sulawesi Selatan dalam bidang aktivitas politik dan kemasyarakatan. Pada setakat ini, kedua bidang ini, oleh sebahagian kalangan adalah dipandang tidak relevan dijalankan oleh para ulama. Justeru mayoritas ulama di Sulawesi Selatan lebih ramai menjalankan aktivitas dalam bidang dakwah dan pengajaran Islam sahaja.

## **KAJIAN LITERATUR**

Sebagai sebuah sistem yang sempurna, Islam memandang bahawa pembangunan adalah meliputi seluruh aspek keperluan hidup manusia, kerana Islam bukan hanya membicarakan tentang ketuhanan sahaja, bahkan Islam pula mestilah mencakupi persoalan kenegaraan, ekonomi, politik, malahan pula dalam perkara peperangan. Sebagai contoh, Rasulullah S.a.w. ketika memimpin Negara Madinah pada abad ke 7 M, pernah membina parit bagi melindungi Kota Madinah daripada serbuan musuh (Abd Khalil Bin Mohd Khalid 2002).

Berasaskan kepada realiti tersebut, pada masa sekarang ini, perkara tersebut boleh diterjemahkan bahawa pemimpin ummah Islam yaitu para ulama selaku pewaris para nabi, adalah memiliki kuasa dan tanggung jawab yang amat luas. Keadaan ini pula memberikan gambaran sebenar bahawa kedudukan ulama, bukan hanya dalam bidang keagamaan sahaja. Justeru itu, ulama mesti memiliki tanggungjawab sosial terhadap pembangunan bagi kejayaan negara dan masyarakat. Perkara ini selari dengan pendapat Setiadji (2009) bahawa ulama juga perlu memberikan nasihat kepada pihak kerajaan dalam soal kutipan kewangan atau pajak daripada masyarakat. Penglibatan ulama dalam aspek berkenaan tentu tidak boleh dipandang sebagai partisipasi secara fizikal sahaja. Justeru partisipasi ulama adalah dilihat daripada aspek memberikan idea-idea, cadangan dan pandangan, bagi memastikan aktivitas berkenaan tidak memberatkan masyarakat dan memastikan program dijalankan sesuai dengan mekanisme yang sebenar sehingga memberikan kesan positif kepada semua pihak, sama ada kepada masyarakat mahupun kerajaan.

Ulama adalah tokoh agama dan juga tokoh masyarakat (Hamka 1976; Mudzhar 1993). Kedudukan ulama di negara-negara Islam secara amnya adalah berada di luar pentadbiran kerajaan, yaitu sebagai pemimpin tidak formal. Dalam Islam, para ulama dipandang sebagai golongan yang memiliki martabat yang tinggi, walaupun tidak kaya, mereka tetap dihormati dan dikagumi oleh masyarakat (Wan Kamal Mujani dan Allawati Kasri 2012). Sebagai tokoh atau pemimpin yang diiktiraf masyarakat, ulama sepatutnya tidak hanya memainkan peranan dalam perkara agama sahaja, tetapi juga terlibat dalam perkara-perkara yang bersifat kekinian atau moden.

Peranan yang dimainkan oleh para ulama dalam negara-negara Islam menunjukkan bahawa sesungguhnya kedudukan para ulama tidak hanya terhad dalam bidang kerohanian sahaja. Justeru ulama pula dilibatkan dalam urusan pentadbiran kerajaan, terutamanya dimintakan idea-idea, pandangan dan cadangannya. Di Saudi Arabia, ulama turut serta dalam urusan pentadbiran kerajaan. Kerajaan Saudi Arabia di bawah kepimpinan Raja Abdul Azis, kerap membuat satu majlis dialog atau dewan yang terdiri daripada para ulama, pemimpin puak atau kaum dan penguasa tempatan, bagi meminta idea-idea, cadangan dan pandangan mereka tentang urusan kerajaan (Umamah 2011). Perkara ini memberi contoh bagaimana satu kerajaan boleh meminta idea-idea, cadangan dan pandangan tentang persoalan kenegaraan daripada pihak lain, umpamanya daripada para ulama dan pemimpin pendapat lainnya. Selain itu, contoh tersebut juga memperlihatkan tentang dua perkara, yaitu (1) para ulama tidak sekadar berperanan dalam bidang keagamaan sahaja dan (2) pihak kerajaan pula tidak menafikan partisipasi pihak lain dalam menjalankan pembangunan.

Di Malaysia, terdapat golongan ulama yang berwibawa dalam bidang keagamaan dilantik oleh pihak kerajaan sebagai mufti, yang berperanan memberikan fatwa atau nasihat hukum kepada pemerintah dan masyarakat umum (Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid 2004). Di Filipina, juga memiliki mufti yang terdiri daripada para ulama yang disegani dan memiliki ilmu agama Islam yang luas. Seorang mufti yang dipilih dan dilantik secara pilihan ramai daripada kalangan mereka sendiri dan para ulama ini boleh

dirujuk dalam pelbagai masalah yang dihadapi oleh penduduk muslim. (Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali dan Ahmad Zuhdi Ismail 2012). Di Negara Brunei Darussalam, menjadikan Islam sebagai agama rasmi kerajaan. Di mana Sultan Brunei pula adalah mengetuai agama Islam. Kepimpinan Islam bukan hanya dimonopoli para Sultan, tetapi juga diagihkan kepada pembesar lain seperti Manteri-Manteri Agama, yang terdiri daripada para ulama yang dilantik oleh Sultan. Para ulama tersebut secara langsung adalah terlibat dalam pentadbiran kerajaan (Mohammad bin Pangiran Hj. Abd Rahman 1999).

Apabila di Indonesia, terdapat ramai pertubuhan yang menganggotai para ulama. Umpamanya pertubuhan Muhammadiyah dan pertubuhan Nadhlatul Ulama. Di samping itu, terdapat pula golongan ulama bersama dengan pihak kerajaan menubuhkan satu pertubuhan yaitu Majelis Ulama Indonesia atau MUI. Tugas utama MUI adalah mendorong ummah Islam untuk meningkatkan keimanan dan memanasifestasikan amalan-amalan fahaman agama Islam, sempena mewujudkan masyarakat yang aman, adil dan makmur, secara rohaniah dan jasmaniah. Manakala peranan MUI sepertimana dinyatakan dalam Pedoman Dasar Pasal 4, yaitu berperanan bagi menzahirkan fatwa dan nasihat kepada pihak kerajaan dan ummah Islam yang berhubungan dengan perkara keagamaan dan kemaslahatan bangsa, mengawal perpaduan ummah, institusi perwakilan ummat Islam dan sebagai perantara yang menyelaraskan hubungan di antara ummah beragama di Indonesia (Nafis 2011).

Berhubungkait dengan peranan ulama di Indonesia adalah dalam kedudukannya sebagai pemuka pendapat (opinion leader). Dalam konteks kajian ini, aspirasi masyarakat boleh diwakilkan kepada para ulama selaku pemimpin pendapat bagi memberikan idea-idea, cadangan dan pandangan tentang pembangunan kepada pihak kerajaan. Ulama dalam masyarakat mempunyai fungsi sebagai pemimpin tidak formal. Kedudukan dan tugasnya tidak hanya dalam bidang keagamaan sahaja. Ulama terlibat dalam aktiviti politik, sosial dan perkara kemasyarakatan merupakan tindakan yang amat mustahak. Sebagai pemimpin tidak formal, ulama termasuk pula sebagai elit bukan politik. Ia tidak mempunyai kekuasaan dalam lembaga politik formal mahupun dalam struktur pentadbiran, akan tetapi ia boleh menggunakan laluan politik, melakukan aktiviti-aktiviti politik, dan berhubungan langsung dengan elit politik yang berada dalam institusi politik dalam mewujudkan kepentingannya mengemban amanah masyarakat (Duverger 1982; Hagopian 1978; Varma 1987). Oleh itu, dalam kajian ini dipandang perlu untuk mengetahui aktiviti pada ulama dalam bidang politik dan aktiviti lainnya dalam bidang sosial kemasyarakatan.

Partisipasi dalam pembangunan merupakan pelaksanaan daripada aktiviti politik, kerana pembangunan yang dilaksanakan sesungguhnya bertujuan untuk mempertingkatkan kesejahteraan seluruh masyarakatnya. Setiap bentuk aktiviti yang melibatkan masyarakat dan negara merupakan aktiviti politik. Mengikut Tuan Haji Ahmad Awang (1999), segala sesuatu yang digerakkan oleh manusia ini yaitu politik. Kegiatan politik dapat berupa keterlibatan dalam parti politik dan partisipasi dalam pembangunan yang berlaku dalam lingkungan masyarakat. Walau bagaimanapun,

mengikuti Aryanti (2008), bahawa partisipasi politik bukan semata-mata partisipasi masyarakat dibidang politik akan tetapi lebih pentingnya dukungan politis rakyat dalam pelaksanaan pembangunan

Partisipasi politik dapat berupa terlibat menetapkan dasar atau mengajukan usulan tentang suatu dasar, mengajukan saran dan kritik tentang suatu dasar, dan terlibat dalam parti politik. Dalam pandangan seorang filsuf Yunani yang bernama Aristoteles (384-322 S.M) sepertimana dikutip Rodee et al., (2011) berkata bahawa manakala manusia mencoba untuk menentukan kedudukannya dalam masyarakat, manakala mereka berusaha meraih kesejahteraan peribadinya melalui sumber yang tersedia, dan manakala mereka cuba untuk mempengaruhi orang lain agar mengiktiraf pandangannya, maka mereka akan melihat dirinya sibuk dengan kegiatan politik. Dengan demikian, aktivitas apapun yang dilakukan oleh seorang individu merupakan bahagian daripada kehidupan politik. Demikian pula aktivitas yang dilakukan oleh seorang ulama, sama ada menyampaikan ceramah, memimpin doa, mahupun keterlibatannya dalam satu perkongsian idea-idea tentang pembangunan, menerima aspirasi orang ramai, adalah aktivitas politik.

## **METODOLOGI PENELITIAN**

Kaedah kajian ini dijalankan adalah menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Penggabungan kedua pendekatan ini adalah untuk menguatkan temuan daripada kaedah kuantitatif dengan melibatkan kaedah kualitatif, yaitu bagi memperoleh data empirikal, manakala temu bual dan pemerhatian dilakukan bagi mendapatkan gambaran umum. Terdapat seramai 97 orang responden dipilih sebagai responden. Responden terdiri atas pengerusi pertubuhan keagamaan Islam di Sulawesi Selatan, yaitu Majelis Ulama Indonesia (MUI), Muhammadiyah, Nahdlatul Ulama (NU), Wahdah Islamiyah, Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI), Muslimat NU dan Aisyiyah. Cuba memantapkan lagi temuan kajian, juga untuk mendapati maklumat tambahan, telah dilaksanakan perbincangan kumpulan berfokus. Lagi pun kajian ini telah dikuatkan dengan beberapa siri temu bual dengan beberapa individu berkenaan.

Responden terpilih dalam kaedah perbincangan kumpulan berfokus dan temu bual adalah ahli utama pertubuhan keagamaan Islam peringkat Provinsi Sulawesi Selatan seramai tujuh orang, daripada instansi kerajaan tujuh orang, yaitu Kementerian Hal Ehwal Agama, Pejabat Kesihatan, Badan Kesatuan Bangsa, Badan Perencanaan Pembangunan, Pemerintah Kota Makassar, Pemerintah Kecamatan Tamalanrea, dan Ketua Kelurahan Samata Kecamatan Somba Opu Kabupaten Gowa. Cuba memberikan informasi tambahan, perbincangan kumpulan berfokus juga menyertakan sembilan orang daripada pelbagai kumpulan masyarakat; ketua kampung, pensyarah, imam masjid, wartawan, ahli parlimen, ahli lembaga pertubuhan bukan negara (NGO), petani kebun, pedagang dan seorang nelayan.

Merujuk ke atas jawapan responden melalui soal selidik, diketahui bahawa responden merupakan ulama yang tergabung sebagai pengerusi tujuh pertubuhan

keagamaan Islam peringkat Provinsi Sulawesi Selatan. Diperinci sebagai berikut: pengerusi MUI seramai 11 orang (11,34%), pengerusi Muhammadiyah 16 orang (16,49), pengerusi NU 20 orang (20,61%), pengerusi ICMI 21 orang (21,64%), pengerusi Wahdah Islamiyah 6 orang (8,18%), pengerusi Aisyiyah 12 orang (12,37%), dan pengerusi Muslimat NU 11 orang (11,34%).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian boleh dikelompok ke atas dua kategori yaitu aktivitas dalam bidang politik dan kemasyarakatan. Seterusnya dihuraikan sebagai berikut:

### *Aktivitas Politik*

Para ulama yang tergabung dalam pertubuhan keagamaan di Sulawesi Selatan mempunyai pandangan yang berbeza dalam mewujudkan partisipasi politiknya. Mereka merupakan aktivis dalam pertubuhan keagamaan yang tidak bergabung kepada parti politik. Sebahagian ada yang terlibat dalam parti politik, sebahagian besarnya adalah tidak terlibat. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ada pula segelintir ulama yang terlibat dalam aktivitas politik kemasyarakatan.

**Jadual 1: Taburan Ulama Berdasarkan Aktivitas Politik**

Kategori	Bilangan	Persen (%)
<i>Terlibat dalam Parti Politik</i>		
Ya	6	6
Tidak	91	94
<i>Melakukan aktivitas politik non-parti politik</i>		
Ya	27	28
Tidak	70	72
<i>Pernah menjadi pejabat kerajaan</i>		
Ya	39	40
Tidak	58	60

Mengikut data dalam jadual di atas, diketahui bahawa hanya sebahagian kecil sahaja ulama yang pernah tergabung dalam parti politik, yaitu seramai 6 Persen. Selebihnya, 94 Persen menyatakan tidak pernah terlibat secara langsung dalam parti politik praktis. Dalam perbincangan kumpulan berfokus dengan para ulama, diketahui bahawa terlibat secara langsung dalam parti politik bermaksud memasuki atau menjadi ahli dalam satu parti politik secara rasmi dan terlibat aktif dalam aktivitas-aktivitas parti politik. Keadaan ini disebabkan oleh dua punca:

*Pertama*, sebahagian besar ulama yang menjadi responden kajian tergabung dalam pengerusi pertubuhan keagamaan adalah pegawai kerajaan. Pegawai kerajaan di Indonesia tidak dibenarkan masuk secara aktif dalam pengerusi parti politik. Walau bagaimanapun mereka tetap dibenarkan mengundi pada pilihan raya. Pegawai kerajaan mesti memberikan perhatian yang lebih besar kepada kedudukannya selaku pegawai kerajaan berkhidmat untuk negara. Lagiupun seorang pegawai kerajaan mestilah berlaku netral (tidak boleh berpihak secara aktif dan terbuka) dalam pilihan raya.

*Kedua*, sebahagian besar ulama ini, berpandangan bahawa aktif dalam pertubuhan keagamaan sudah dianggap cukup bagi mewujudkan partisipasi politiknya. Bahawa melalui pertubuhan keagamaan, mereka juga dapat memberi idea-idea kepada pihak kerajaan dan boleh membuat kerjasama dengan kerajaan untuk mewujudkan partisipasi dalam pembangunan. Terdapat pula sebahagian ulama yang pernah terlibat secara langsung atau secara rasmi dalam pengerusi parti politik. Para ulama yang pernah memasuki parti politik yaitu pada masa ketika mereka belum masuk ke dalam pertubuhan keagamaan.

Sepertimana pada amnya, setiap pertubuhan keagamaan sentiasa berusaha tidak terikat atau tidak berafiliasi dengan satu parti politik manapun, tetapi tidak melarang ahlinya masuk ke dalam parti politik dan mencalonkan dirinya sebagai calon ahli parlimen dalam pilihan raya. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat ahlinya yang memilih masuk ke dalam parti politik, maka dia mesti melepaskan diri dari kedudukan sebagai ahli pengerusi pertubuhan. Peraturan seperti ini perlu dibuat kerana semua pertubuhan keagamaan Islam ingin mandiri dan berusaha menghindari diri daripada kegaduhan atau perpecahan disebabkan oleh kepentingan politik kekuasaan semata.

Ulama yang terlibat dalam parti politik merupakan individu yang tidak lagi terikat dengan status pekerjaannya, mereka sudah pensiun dari pegawai kerajaan sehingga mempunyai hak untuk terlibat dalam parti politik. Selain para pesara daripada pegawai kerajaan, terdapat pula ulama yang memasuki parti politik kerana dia bekerja pada badan bukan sebagai pegawai kerajaan. Motivasi mereka masuk ke dalam parti politik yaitu untuk mendukung kebijakan kerajaan dalam melaksanakan pembangunan supaya berjalan sesuai dengan tujuannya dalam mencapai kesejahteraan masyarakat. Ada pula ulama yang berpendapat bahawa melalui aktivitas parti politik boleh melaksanakan agenda dan program dakwah Islam.

Walaupun sebahagian besar responden tidak tergabung dalam parti politik, ada juga responden yang tetap melakukan kegiatan politik praktis. Mereka bergabung kepada satu kumpulan sokongan atau pasukan berjaya dalam pilihan raya umum, pilihan raya presiden, pilihan raya gubernur, pilihan raya mayor, mahupun calon parlimen (ahli dewan perwakilan rakyat). Seramai 28 Persen responden mengakui pernah terlibat dalam kegiatan politik seperti ini. Keterlibatan menjadi tim sukses (pasukan berjaya) dalam pilihan raya tersebut berlaku dalam dua kes.

*Pertama*, ketika pilihan raya Presiden Republik Indonesia tahun 2009. Dimana pada saat itu, salah seorang calon presiden adalah Muhammad Yusuf Kalla. Beliau adalah orang asli Bugis, Sulawesi Selatan. Oleh itu, beberapa orang pemimpin pendapat dalam kajian ini mendukung Yusuf Kalla menjadi Presiden, dan secara aktif terlibat dalam pengerusi kempen. Realitinya, Yusuf Kalla tidak berhasil menjadi presiden, akan tetapi dalam pilihan raya itu, khasnya di Sulawesi Selatan, beliau memperolehi suara paling tinggi yaitu lebih dari tujuh puluh Persen. Kemudian pada tahun 2014 diketahui bahawa Yusuf Kalla, menjadi calon timbalan Presiden Republik Indonesia bersama dengan Jokowi, dan berjaya memenangi pilihan raya.

*Kedua*, dalam setiap kempen pilihan raya mengundi calon ahli parlimen mahupun

pilihan raya gubernur dan mayor, ditemukan adanya sebahagian kalangan ulama yang menjadi tim sukses (pasukan berjaya) dalam kempen. Hal ini disebabkan kerana adanya hubungan kekerabatan keluarga, sesama rakan, dan satu kumpulan kerja. Calon yang akan diundi dalam pilihan raya tersebut, sentiasa meminta dukungan dari sebahagian ulama untuk membantunya dalam kempen. Calon tersebut meyakini bahawa kedudukan sebagai ulama boleh memberi pengaruh kepada rakyat yang akan mengundi dalam pilihan raya. Namun demikian, tidak semua ulama bersedia menjadi tim sukses, hanya seramai 28 Persen sahaja. Ertinya hanya segelintir ulama yang bersedia terlibat dalam aktivitas politik praktis untuk memperoleh kekuasaan.

Sedangkan sebahagian besarnya yaitu 72 Persen sama sekali tidak terlibat dalam aktivitas politik praktis. Tidak terlibatnya mereka dalam aktiviti politik antara puncanya yaitu kerana pekerjaan mereka sebagai pegawai kerajaan yang sesuai perlembagaan negara Republik Indonesia, mesti berlaku adil dalam sikap politiknya. Namun demikian, ulama yang ikut terlibat mahupun tidak mahu terlibat dalam parti politik, adalah terpulang kepada mereka sendiri.

Kegiatan politik mencakupi posisi dalam badan-badan penting kerajaan. Misalnya sebagai menteri, dan kepala agensi. Dalam carta kerajaan peringkat provinsi, jawatan politik dalam kerajaan antara lain adalah ketua jabatan atau ketua pejabat, dan seterusnya. Jawatan penting di peringkat universiti yaitu rektor, timbalan rektor, dekan, timbalan dekan, pengerusi pusat pengajian, dan seterusnya. Para ulama yang menjadi responden kajian ini seramai 40 persen mengaku pernah menjadi pegawai penting kerajaan. Sedangkan 60 persen mengaku tidak pernah menjadi pegawai penting kerajaan. Pegawai penting kerajaan yang dimaksudkan dalam hal ini adalah pembuat dasar untuk dijalankan oleh kerajaan dalam satu agensi.

Penting untuk diketahui maklumat tentang apakah ulama pernah menjadi bahagian dari pegawai penting kerajaan yaitu untuk mengetahui sejauh mana peranannya melibatkan masyarakat dalam pembangunan ketika dia masih lagi aktif sebagai pegawai kerajaan. Dalam kes Indonesia, ada kalanya seseorang pemimpin pendapat sebagai individu mempunyai kedudukan dalam jabatan kerajaan. Dalam kedudukan seperti ini, dia boleh melibatkan masyarakat mahupun ulama dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan. Setelah tidak lagi mempunyai jawatan penting dalam kerajaan, mereka masuk ke dalam pertubuhan keagamaan. Meskipun kewenangannya telah terhad, walau bagaimanapun melalui pertubuhan keagamaan ini, mereka sepatutnya mempunyai akses kepada pihak kerajaan dan tetap boleh melibatkan diri dalam pelaksanaan dan perancangan pembangunan.

#### *Aktivitas Kemasyarakatan*

Di samping partisipasi dalam bidang politik, ulama juga sepatutnya terlibat secara langsung melaksanakan aktivitas sosial yang berhubung kait dengan masyarakat tempatan. Aktivitas sosial atau kemasyarakatan yang dimaksud dalam konteks ini adalah partisipasi ulama dalam persekitaran kediaman mereka, sama ada terhadap jiran mahupun kampung atau tempat tinggalnya. Pada amnya, ulama mempunyai aktivitas sebagai pemimpin tidak formal dalam persekitarannya.



**Jadual 2: Taburan Ulama Berdasarkan Aktivitas Kemasyarakatan**

Kategori	Kekerapan	Persen
<i>Keterlibatan dalam aktiviti masyarakat tempatan</i>		
Ya	85	88
Tidak	12	12
<i>Berkongsi idea-idea dengan masyarakat tempatan tentang pembangunan</i>		
Ya	80	82
Tidak	17	18
<i>Menyampaikan aspirasi masyarakat tempatan kepada pihak kerajaan</i>		
Ya	66	68
Tidak	31	32

Berdasarkan data di atas, menunjukkan bahawa peringkat partisipasi ulama dalam aktiviti kehidupan masyarakat tempatan adalah tinggi. Walaupun mereka adalah pengurus pertubuhan keagamaan peringkat provinsi, namun mereka tetap terlibat dalam aktiviti keseharian di persekitarannya yaitu seramai 88 Persen. Di antara ulama ini, beberapa individu terlibat langsung dalam aktiviti kemasyarakatan, seperti gotong royong membersihkan lingkungan, membantu pembangunan surau, dan mengawal keamanan persekitaran. Ketua Kampung Samata, Drs. Agus Salim, M.Si. dalam perbincangan kelompok berfokus mengiktifah bahawa ketika ulama terlibat langsung dalam aktiviti kemasyarakatan di persekitarannya, maka memberangsangkan pula warga masyarakat lainnya untuk terlibat dalam aktiviti tersebut.

Dari data tersebut di atas, menunjukkan bahawa terdapat responden seramai 12 Persen sahaja yang mengaku tidak aktif dalam aktiviti bersama masyarakat di lingkungan persekitarannya, kerana masanya dalam satu pekan atau setiap bulannya telah pun dipakai untuk bekerja dan mengawal pertubuhan keagamaan, sehingga tidak ada lagi masa aktif di kampung atau persekitarannya. Alasan lainnya ke atas kurang aktifnya dalam persekitaran yaitu kerana duduk dekat taman-taman perumahan mewah. Dalam taman-taman perumahan, semuanya fasiliti sudah serba teratur, sama ada dari segi keamanan, kebersihan, dan keindahannya.

Sepertimana pengiktirafan seorang responden yang bernama Abu Rayyan, ahli pertubuhan Wahdah Islamiyah. Beliau berkata di lingkungan persekitarannya, sentiasa terlibat dalam pembinaan jamaah masjid, pengelolaan taman pendidikan kanak-kanak atau tadika, dan ceramah fahaman agama untuk masyarakat setempat. Seorang informan yang bernama Drs. M. Hasibuddin, M.Ag., ahli pengerusi pertubuhan Nadhlatul Ulama Sulawesi Selatan. Beliau memerihalkan bahawa dalam aktiviti masyarakat tempatan sentiasa terlibat dalam gotong royong bersama warga, contohnya membaiki jalanan supaya tidak tergenang air, memberi motivasi kepada guru pengajian masyarakat.

Sedangkan keterlibatan ulama dalam berkongsi idea-idea dengan masyarakat tempatan adalah seramai 82 Persen, manakala 18 Persen mengaku tidak pernah berkongsi idea-idea dengan masyarakat tempatan tentang pembangunan. Dialog yang

diadakan ulama dalam lingkungan sekitarnya sebahagian besar mengenai kegiatan keagamaan yang diadakan di masjid. Ini dapat dimaklumi kerana sebahagian besar ulama ini juga merupakan imam atau pengerusi masjid di sekitarnya. Namun ada pula tema dialog yang diadakan oleh ulama yang berkaitan langsung dengan pembangunan, yakni pembinaan jalan kampung di persekitarannya yang belum tersentuh program kerajaan. Termasuk pula untuk merancang sitem pegawalan kampung daripada tindakan penyeluk atau pelaku jenayah lainnya. Dialog seperti ini pada amnya diadakan pejabat kepala kampung atau di dewan orang ramai.

Sebahagian besar ulama dalam kajian ini pernah menjadi penyalur aspirasi atau aduan daripada masyarakat untuk disampaikan kepada pihak kerajaan, iatu seramai 68 Persen. Tema aspirasi masyarakat yang disampaikan kepada pihak kerajaan adalah tentang pembinaan jalan, perbaikan drainase atau pencegahan banjir, dan lampu jalan. Beberapa responden juga mengaku pernah menyampaikan aspirasi ke pihak kerajaan untuk menutup tempat kegiatan prostitusi terselubung yang diadakan oleh beberapa diskotik dan salun. Hal lainnya yaitu mengenai isu kelompok radikal atau kelompok ide-ide palsu daripada faham keagamaannya, kerana dianggap meresahkan masyarakat dan menodai agama. Mereka memprotes adanya kelompok tersebut dan menyampaikan aspirasi ke pihak kerajaan untuk diambil tindakan tegas.

Manakala ulama yang tidak pernah menjadi penyambung aspirasi masyarakat yaitu seramai 32 Persen. Diantara alasannya yaitu kerana kesibukan pekerjaan dan pengawalan pertubuhan keagamaan. Di samping itu, sebahagian responden tidak bertempat tinggal tetap di tempatnya, kecuali hanya menyewa sahaja, terutamanya adalah pemimpin pendapat yang masih berusia muda. Kerana usianya masih relatif muda, sehingga masyarakat sekitarnya belum memberi kepercayaan kepada mereka.

## **KESIMPULAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk komunikasi partisipasi yang dilaksanakan para ulama selaku pemimpin pendapat dalam menyokong pembangunan nasional di Provinsi Sulawesi Selatan. Ulama merupakan individu yang penting dalam pembangunan kerana mereka merupakan individu yang boleh mempunyai hubungan rapat dengan pihak kerajaan. Kedekatan hubungan di antara ulama dengan pihak kerajaan memberikan kemudahan bagi ulama dalam menyuarakan pendapat, idea, dan aduan daripada masyarakat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat ulama di Provinsi Sulawesi Selatan yang terlibat secara aktif dalam kegiatan politik dan kemasyarakatan dengan peringkat partisipasi yang bervariasi.

Dalam aktivitas politik, ditemukan adanya seramai 6 Persen sahaja ulama yang pernah terlibat dalam aktivitas politik. Dalam konteks kajian ini, aktivitas politik yang dimaksudkan adalah menjadi pengerusi parti politik dan terlibat dalam kegiatan politik seperti menjadi ahli pasukan berjaya dalam aktivitas pilihan raya. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa rendahnya jumlah ulama yang terlibat dalam aktivitas politik disebabkan pelbagai punca. Antaranya (1) mayoritinya ulama adalah pegawai kerajaan, dimana dalam sistem politik Indonesia, tidak ada kebenaran kepada sesiapa individu

pegawai kerajaan yang boleh terlibat dalam aktiviti politik. (2) Adanya pandangan kepada sebahagian ulama tentang pemisahan ranah politik dengan dakwah Islam, yaitu terdapat ulama yang berpendapat bahawa kegiatan politik tidak perlu diikuti oleh para ulama, sebab tugas ulama adalah berdakwah dan memberi pengajaran fahaman agama Islam kepada ummah. Walau bagaimanapun, masih terdapat ulama, seramai 28 Persen, yang melakukan aktiviti politik yaitu menjadi ahli pasukan berjaya dalam pilihan raya dan pilihan presiden dan timbalan presiden Republik Indonesia. Merujuk pada dapatan kajian ini, bahawa ulama memang bukanlah bahagian daripada kerajaan, tetapi ulama boleh melakukan aktiviti-aktiviti politik, dalam mewujudkan kepentingannya mengemban amanah masyarakat.

Dalam kemasyarakatan, para ulama di Sulawesi Selatan juga aktif terlibat dalam membantu kegiatan masyarakat di persekitarannya. Sepertimana diperihalkan Shihab (2001), ulama perlu dimintai nasihat atau idea-idea mereka dalam segala aspek pembangunan, wujud fungsinya selaku pemimpin tidak formal dalam masyarakat. Manakala ulama sudah terlibat dalam pembangunan, maka secara keseluruhan oleh masyarakat dipandang sebagai wakil mereka yang memberikan perhatian untuk kesejahteraan masyarakat. Seramai 88 Persen responden mengiktiraf terlibat dalam pelbagai aktiviti sosial. Bentuk partisipasi tersebut antaranya adalah gotong royong membersihkan persekitaran, membantu pembangunan surau, mengawal keamanan persekitaran, menghadiri musyawarah warga kampung, aktif terlibat dalam aktiviti sukatan dan hajatan warga, serta memberikan bantuan atas bencana yang menimpa masyarakat. Walau bagaimanapun masih terdapat seramai 12 Persen ulama yang kurang aktif dalam kemasyarakatan. Antara faktor penyebabnya yaitu mereka duduk di taman-taman mewah, menyandang jawatan yang tinggi dalam jabatan pemerintahan dan dalam pertubuhan keagamaan, sehingga amat sukar mereka mengatur masa untuk beraktiviti dalam persekitarannya.

#### DAFTAR PUSTAKA

- Hassan, Abdullah & Ainon Muhamad. 1998. *Komunikasi untuk pemimpin*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Khalid, Abd. Khalil Bin. 2002. *Doktrin Pengasingan Kuasa Menurut Perspektif Islam dan Amalannya dalam Perlembagaan Arab Saudi, Iran, dan Malaysia*. Bangi: Tesis Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aryanti, N.Y. 2008. Peranan opinion leader dalam meningkatkan peran politik masyarakat pedesaan dalam pembangunan. *Jurnal Ilmiah Dinamika* 1 (1) : 35-42.
- Bessette, G. 2004. *Involving the Community: A Guide to Participatory Development Communication*. Penang: Southbound.
- Cangara, Hafid. 2009. *Komunikasi Politik, Konsep, Teori dan Strategi*. Jakarta: RajaGrafindo Persada.
- Clifford, G. 1959. "The Javanese kyai: the changing role of a cultural broker", *Comparative Studies in Society and History* (2): 250-256.

- Cohen, J.M. & Uphoff, N.T., 1977. *Rural Development Participation*. New York: Cornell University.
- Duverger. 1982; Hagopian. 1978; Varma. 1987. Dlm. Diana Fawzia. 2012. *Peranan elit bukan politik dan dasar berpektif gender: kajian Kes di Kabupaten Donggala Sulawesi Tengah Indonesia*, hlm.45. Tesis Dr. Fal. Bangi: Fakultas Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Freire, P. 1971. *Pedagogy Of The Oppressed*. Terj. Myra Bergman Ramos. New York: The Continuum International Publishing Group.
- Gaventa, J. & Valderrama, C. 2001. Partisipasi, kewargaan dan pemerintah daerah. Dlm. The British Council. 2001. *Mewujudkan Partisipasi. 21 Teknik Partisipasi Masyarakat untuk Abad 21*. Terj. Edlina Edin, hlm. 3-20. Jakarta : The British Council.
- Geertz, C. 1960. The Javanese kijaji: the changing roles of a cultural broker. *Comparative Studies in Society and History* 2. Yale: Yale University Press.
- Hamka. 1976. Peranan ulama di Indonesia dalam lintasan sejarah. *Mimbar Ulama*, 1(1): 14-27.
- Katz, E. 1960. Communications research and the image of society: On the convergence of two traditions. *American Journal of Sociology* 65:435-440.
- Korten, D. 1998. *Pembangunan yang Berpusat pada Rakyat*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Mohamad, Mahathir. 2001. *Islam & the Muslim Ummah*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication (M) Sdn Bhd.
- Makmur, A. 2012. Peranan Ulama dalam Membina Masyarakat Banjar di Kalimantan Selatan. *Miqot Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman* XXXVI(1): 174-191.
- Mohammad bin Pangiran Hj. Abd. Rahman. 1999. Kepimpinan Islam mengikut pengalaman negara Brunei Darussalam. Kertaskerja *Seminar Kepimpinan Islam Serantau* anjuran Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 14-15 Jun.
- Mudzhar, A. 1993. *Fatwa Majelis Ulama Indonesia*. Jakarta: INIS.
- Nafis, C.M., 2011. *Teori Hukum Ekonomi Syariah*. UI Press: Jakarta.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid & Nor Ajila Che Man. 2013. Memperkasakan peranan ulama dalam usaha transformasi negara: satu cadangan. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*, hlm. 222-228.
- Pelras, C. 2006. *Manusia Bugis*. Terj. Rahman, Abu., Hasriadi, & Sirimorok, N. Jakarta: Nalar bekerja sama dengan Forum Jakarta-Paris, EFEO.
- Rodee, C.C., Christol, C.Q., Anderson, T.J., & Greene, T.H. *Pengantar Ilmu Politik*. Jakarta: PT RajaGrafindo Persada.
- Ruslan, M & Santing, W. (Ed) 2007. *Ulama Sulawesi Selatan, Biografi Pendidikan dan Dakwah*. Makassar: Komisi Informasi dan Komunikasi MUI Sulsel.
- Said, N. 2010. Genealogi pemikiran Islam Ulama Bugis. *Jurnal AL-FIKR*, 14(2): 311-

330.

- Sara Shakilla Mohd. Salim & Asnarulkhadi Abu Samah. 2011. Tahap penglibatan masyarakat orang asli dalam pembangunan masyarakat di Semenanjung Malaysia. *Journal of Human Capital Development* 4(1): 125-139.
- Servaes, J. (pnyt). 2008. *Communication for Development and Social Change*. London: Sage Publication.
- Setiadji, B. 2009. Apa yang kurang dari Muhammadiyah? *Jurnal MAARIF* 4(2): 84-88.
- Shihab, M.Q. 2001. *Membumikan Al-Qur'an*. Bandung: Mizan.
- Siagian, H.F. 2012. *Komunikasi Politik. Posisi Ulama sebagai Komunikator Politik*. Makassar: Alauddin University Press.
- Siagian, H.F., Mohd. Yusof Hj. Abdullah, Normah Mustaffa, & Fauziah Ahmad. 2013. Partisipasi dan Efek Komunikasi Pemuka Pendapat dalam Pembangunan. *Jurnal Dakwah Tabligh* XXVII(6): 50-69.
- The British Council. 2001. Mewujudkan Partisipasi. 21 Teknik Partisipasi Masyarakat untuk Abad 21. Terj. Edlina Edin. Jakarta : The British Council.
- Tuan Haji Ahmad, Awang 1999. Ulama dan peranannya dalam masyarakat di Malaysia. *Prociding Seminar Kepemimpinan Islam Serantau: Akademi Pengajian Tinggi Universiti Malaya*.
- Umamah, N. 2011. *Peranan Gerakan Wahabiyah dalam Membantu Mewujudkan Pemerintahan Raja Abdul Azis di Arab Saudi*. Yogyakarta: Tesis Fakultas Adab dan Humaniora Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Wan Kamal Mujani & Allawati Kasri. 2012. Muslim kelas menengah di Malaysia: definisi serta sumbangan dalam bidang ekonomi dan politik (middle class Muslim in Malaysia: definition and their contributions to ekonomi and politics). *Jurnal Al-Tamaddun* 7(2): 1-39.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali dan Ahmad Zuhdi Ismail 2012. Islam dan Masyarakat Muslim di Filipina: Kajian Mengenai Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam di Era Globalisasi. Sumber: WZK Wan Ali, AZ Ismail - Islam dan Alam Melayu, 2012 - eprints.um. [15 Mac 2013].
- White, S., Nair, S. & Ascroft, J. (pnyt). 1994. *Participatory Communication: Working For Change And Development*. New Delhi: Sage Publications.
- Zulkifli bin, Muhammadan. 2009. Integrasi antara kepimpinan ulama dan umara dalam menjana ummah. Dlm Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab Hamid & Nor Ajila Che Man, 2013. Memperkasakan peranan ulama dalam usaha transformasi negara: satu cadangan. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) V: Ulama dan Cabaran Idealisme Semasa. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia* : 222-228.